

SOALAN NO.: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 2 APRIL 2018
SOALAN : 42**

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a) Senarai ijazah perubatan universiti-universiti dari China dan Taiwan yang diiktiraf dan masalah serta kekangan pengiktirafan ijazah perubatan universiti-universiti dari China dan Taiwan, dan
- b) Apakah kriteria-kriteria kemasukan yang menjamin graduan perubatan yang berkelulusan dari universiti-universiti China dan Taiwan diambil untuk menjalani housemanship di hospital Kerajaan.

95

Tuan Yang di- Pertua,

Pada masa kini terdapat sejumlah 2 buah universiti di Negara China yang mana kursus perubatan mereka diiktiraf oleh Malaysia ini iaitu:

- i. Shanghai Jiao Tong University; dan
- ii. Fudan University.

Manakala sejumlah 8 buah universiti di Negara Taiwan diiktiraf di oleh Malaysia iaitu:

- i. National Taiwan University College of Medicine;
- ii. National Defence Medical Center;
- iii. School of Medicine, National Yang Ming University;
- iv. National Cheng Kung University Medical College;
- v. Taipei Medical College;
- vi. China Medical College;
- vii. Chung Shan Medical & Dental College; dan
- viii. Kaohsiung Medical College.

Dengan mengambil kira moratorium Penawaran Program Perubatan Baharu di Institut Pendidikan Tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap cadangan pengwujudan program perubatan yang baru dan juga mengambil kira jumlah graduan perubatan yang dihasilkan setiap tahun, telah ditetapkan supaya tidak ada lagi penyenaian universiti yang baru ke dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971.

Untuk makluman YB Bintulu, bagi graduan perubatan dari Universiti China dan Taiwan yang diiktiraf dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971, mereka layak untuk diberikan pendaftaran 'provisional registration' oleh Majlis Perubatan Malaysia untuk menjalani Latihan Siswazah di Hospital Kerajaan.

Bagi graduan perubatan dari universiti yang tidak tersenarai di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 seperti mana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 12, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) dan Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan bagi Pendaftaran Sementara) 2015, mereka dikehendaki mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) untuk menduduki Peperiksaan untuk Pendaftaran Sementara ataupun dikenali sebagai *Examination for Provisional Registration* (EPR). EPR dibahagikan kepada peperiksaan bahagian teori dan peperiksaan bahagian klinikal dan calon perlu lulus di dalam kedua-dua bahagian teori serta klinikal sebelum diberikan Sijil Pendaftaran Sementara oleh MPM untuk menjalani latihan siswazah.

Syarat bagi pelantikan graduan perubatan untuk dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah lantikan kontrak adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

- 87
4. Lulus dan subjek Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan melantik semua graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan setelah mereka diberikan Sijil Pendaftaran Sementara dari pihak Majlis Perubatan Malaysia termasuklah graduan perubatan universiti dari China dan Taiwan.

SOALAN NO.43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 2 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci pecahan peruntukan kepada setiap Ahli Parlimen ataupun kawasan Parlimen sejak tahun 2013.

84

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen pada kadar tahunan antara RM0.3 juta sehingga RM1.5 juta. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* kepada projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek ini di kawasan-kawasan Parlimen berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.